

RANCANGAN TV MALAYSIA UNTUK HARI JUMAAT, FEB. 25, 1977

---

££  
B575  
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 FEB. (BERNAMA)-- KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENGARAHKAN SEMUA SEKOLAH MENGADAKAN HUBUNGAN LEBIH RAPAT DENGAN KALANGAN IBUBAPA BAGI MENGATASI MASALAH PONTENG SEKOLAH, KATA DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KEMENTERIAN TERSEBUT SEDANG MENKKAJI SAMADA SKUAD MENCEGAH PERBUATAN PONTENG SEKOLAH YANG DITUBUHKAN BERSAMA OLEH POLIS DAN IBUBAPA DI PETALING JAYA TELAH MEMBERI KESAN.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYATAKAN PIHAK KEMENTERIAN JUGA SEDANG MENELITI SATU LAPORAN MENGENAI KEJADIAN PONTENG SEKOLAH YANG DIKEMUKAKAN OLEH SATU SEMINAR KEBANGSAAN TIDAK LAMA DULU.

SEMINAR YANG DILANGSUNGKAN DALAM BULAN SEPTEMBER TAHUN LALU BERTUJUAN Mencari sebab-sebab terjadinya perbuatan itu di sekolah-sekolah menengah di negara ini.

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA DUA BUAH JAWATANKUASA YANG DILANTIK OLEH KABINET UNTUK MENKKAJI SUSUNAN AKADEMIK DAN PENTADBIRAN INSTITIUT TEKONOLOJI MARA TELAH MENYIAPKAN LAPURANNYA DAN DIJANGKA DISERAHKAN KEPADA BELIAU PADA BILA-BILA MASA SAJA. -- BERSAMBUNG 1507/1B

££  
B576  
MAHATHIR @ KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU, KEMENTERIAN BERKENAAN SENTIASA MENKKAJI SEMULA KURIKULUM DAN KURSUS-KURSUS YANG DIAJAR DI MAKTAB-MAKTAB LATIHAN PERGURUAN DI NEGARA INI.

MINGGU LALU, PARA PENGETUA MAKTAB-MAKTAB TERSEBUT TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN UNTUK MENKKAJI SEMULA KURIKULUM MEREKA.

DR. MAHATHIR MENERANGKAN PERTEMUAN ITU ADALAH PERKARA BIASA BAGI MENGEMASKINIKAN TEKNIK-TEKNIK LATIHAN PERGURUAN YANG TERBARU. --BERNAMA 1510/1B